

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

KAWASAN : MARANG

TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : 47

YB. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perkembangan terkini proses rundingan TPP dan sejauh mana Malaysia memperoleh faedah daripada perjanjian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Rundingan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPP) telah dimulakan dalam bulan Mac 2010 dan Malaysia menyertainya sebagai ahli rundingan ke-sembilan pada Oktober 2010. Gabungan kesemua 12 negara (termasuk Malaysia) yang terlibat dalam rundingan TPP membentuk pasaran dengan sejumlah 800 juta penduduk dan gabungan KDNK sebanyak USD27.5 trillion.

TPP merupakan satu perjanjian perdagangan komprehensif. Skop merangkumi elemen baharu seperti buruh, alam sekitar, syarikat milik kerajaan, perolehan kerajaan dan hak harta intelek.

Rundingan TPP masih belum dimuktamad kerana terdapat peruntukan-peruntukan perjanjian yang belum selesai dirundingkan. Mesyuarat Ketua-Ketua Perunding perjanjian TPP yang terkini telah diadakan di Guam pada minggu ketiga dan keempat bulan Mei 2015 bagi mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu yang tertangguh. Mesyuarat Menteri-Menteri TPP akan dijadualkan apabila terdapat opsyen-opsyen khusus untuk menyelesaikan isu-isu yang tertangguh.

Untuk makluman, setakat ini, bab rundingan yang telah dimuktamadkan adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan;
- ii. *Regulatory Coherence, dengan izin;*
- iii. Daya saing dan fasilitasi perniagaan;
- iv. Enterpris kecil sederhana;
- v. Kemasukan sementara tenaga mahir;
- vi. Kerjasama dan pembinaan kapasiti;
- vii. Pentadbiran dan Institusi;
- viii. Dasar Persaingan (Seksyen A);
- ix. Telekomunikasi;
- x. Pentadbiran Kastam; dan
- xi. *Technical Barriers to Trade.*

Dari segi akses pasaran, kesemua negara TPP telah berkongsi tawaran penghapusan duti import barangan pada 28 Januari 2015. Secara keseluruhan Malaysia telah menerima tawaran akses pasaran yang

memuaskan daripada kesemua negara ahli. Walau bagaimanapun, Malaysia masih terus merunding untuk mendapat akses pasaran yang lebih baik dengan sesetengah negara dalam TPP, termasuk dengan Amerika Syarikat dan Mexico dimana rundingan akses pasaran masih berterusan.

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia masih menghadapi cabaran bagi isu dan bab yang bukan konvensional seperti Syarikat Milik Kerajaan (SOE), Perolehan Kerajaan, Hak Harta Intelek, dan Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pelabur-Negara (ISDS).

Bagi isu SOE, Malaysia masih merunding untuk mengecualikan beberapa entiti SOE Malaysia, mendapatkan *threshold* yang lebih tinggi, serta tempoh transisi yang lebih panjang bagi memastikan kesediaan yang lebih rapi dalam menghadapi TPP. Ini kerana Kerajaan sedar bahawa entiti-entiti ini bukan sahaja beroperasi atas sebab komersial semata-mata, tetapi juga berperanan dalam menyusun semula sosio-ekonomi negara yang begitu signifikan dalam mempengaruhi kesejahteraan masyarakat dan rakyat Malaysia.

Bagi isu perolehan kerajaan, Malaysia sedang merundingkan *threshold* nilai projek yang lebih tinggi bagi penyertaan syarikat asing dalam tender-tender perolehan kerajaan. Dalam erti kata lain, kontraktor asing hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam perolehan kerajaan yang bersifat gergasi. Ini seterusnya meminimumkan impak ke atas syarikat kecil sederhana tempatan. Di samping itu, pasukan perunding juga merunding supaya mengecualikan entiti strategik. Ini bertujuan untuk

memastikan perolehan kerajaan yang berkaitan dengan nadi kehidupan rakyat seperti bekalan air dan kemudahan awam dipertahankan.

Begitu juga dengan rundingan mengenai ISDS, pasukan rundingan masih berunding secara teliti terhadap skop ISDS bagi memastikan ruang dasar yang mencukupi.

Manakala bagi rundingan hak harta intelek, isu yang masih tertunggak ialah isu berkaitan farmaseutikal, hak cipta, dan indikasi geografikal yang perlu diselesaikan melalui rundingan yang lebih tinggi di peringkat menteri atau pemimpin.

Tuan Yang Dipertua,

Beberapa siri *engagement* dan konsultasi TPP telah dianjurkan untuk memberi penerangan kepada orang awam, khususnya pihak-pihak berkepentingan. Antara yang utama termasuk penubuhan Kaukus TPP secara *bipartisan* pada Ogos 2013. Kaukus TPP terdiri daripada 5 orang Ahli Parlimen Barisan Nasional dan 5 orang Ahli Parlimen Pembangkang yang diketuai oleh YB Jasin. Setakat ini, sebanyak 10 *engagement*/mesyuarat rasmi telah diadakan bersama Kaukus TPP dan sesi terkini telah diadakan pada 20 Mei 2015.

Di samping itu, Kerajaan juga menubuhkan pasukan *Cleared Advisors* pada Disember 2014 yang terdiri daripada 34 orang pakar bidang-bidang ekonomi serta wakil-wakil pihak berkepentingan dan berperanan untuk menasihati pasukan perunding khususnya untuk isu-isu yang sukar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, sesi TPP *Town Hall* dan Makmal TPP anjuran bersama MITI dan PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 2 dan 3 April 2015 di Kuala Lumpur. Sesi *Town Hall* tersebut yang dikendalikan oleh YB Menteri MITI turut menyaksikan sesi soal jawab diadakan secara terbuka terus kepada YB Menteri MITI dan YB Senator Dato' Sri Wahid Omar di sebelah pagi pada 2 April 2015.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai sejauh mana Malaysia memperoleh daripada perjanjian tersebut, ingin ditekankan bahawa dalam semua dasar atau langkah yang diambil, terdapatnya kelebihan dan cabarannya.

Dalam menangani soal kedaulatan negara dikompromi, 2 Kajian Kos Manfaat TPP telahpun memasuki fasa kedua dan dijangka siap pada awal bulan Julai tahun ini:

- i. Kajian Kepentingan Negara yang dilaksanakan oleh Insitute of Strategic and International Studies.
- ii. Analisis Kos Manfaat TPP ke atas Bumiputera dan Enterpris Kecil Sederhana oleh Pricewaterhouse Coopers dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera, JPM.

Skop kajian fasa kedua adalah berlandaskan 4 skop utama:

- kedaulatan negara dan ruang pembuatan dasar negara;
- impak ke atas Bumiputera;
- impak ke atas Industri Kecil Sederhana tempatan dan
- Apa sekiranya Malaysia Malaysia tidak berada dalam TPP?

Disamping itu, satu komponen khusus bagi menilai kesan ke atas 5 sektor terpilih juga akan dilaksanakan sebagai sebahagian kajian fasa kedua.

Kajian yang disiapkan kelak akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan Kerajaan akan membuat satu pendirian berdasarkan hasil kedua-dua kajian. Kajian berkenaan akan dibentangkan di Parlimen untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang Dipertua,

Jika dilihat dari sudut kelebihan, TPP terdiri daripada pasaran bebas cukai 800 juta populasi dengan jumlah KDNK US\$27.5 trilion. Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan, melihat pasaran TPP penting untuk mengukuhkan akses pasaran bagi produk dan perkhidmatan Malaysia terutamanya dengan 4 negara perdagangan bebas yang baru, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico, dan Peru.

Selain itu, layanan tarif berkeutamaan bawah skim *Generalised System of Preferential* (GSP) Amerika Syarikat (ditamatkan sejak 1990an), Kesatuan Eropah (ditamatkan sejak 1.1.2014) dan Kanada (sejak 1.1.2015) yang telah ditamatkan atas pencapaian ekonomi negara juga turut memberi kesan kepada eksport Malaysia. Barangan Malaysia yang dieksport ke Kanada dan negara Kesatuan Eropah kini dikenakan duti import lebih tinggi berbanding barangan dari negara membangun yang lain yang masih menikmati layanan GSP. Justeru, dalam konteks TPP, ia memberi penyelesaian yang baik khususnya untuk eksport Malaysia ke Kanada dan Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun, terdapatnya cabaran dalam merundingkan TPP. Antaranya iaitu bidang-bidang baru yang Malaysia tidak pernah pikul bawah mana-mana FTA yang lain – perolehan kerajaan, syarikat milik kerajaan, hak harta intelek, alam sekitar, dan buruh. Kerajaan sedar akan kesukaran dan sensitiviti konteks sosial yang perlu diambil kira semasa bidang-bidang tersebut ingin dirundingkan. Konsultasi dan khidmat nasihat dilaksanakan secara ekstensif dengan pihak berkepentingan, pakar ekonomi dan badan bukan kerajaan domestik bagi memastikan kebimbangan Malaysia diketengahkan dalam rundingan. Langkah alternatif dan pendekatan *safeguard* juga dirundingkan di mana kesejahteraan rakyat dipertahankan dan TPP membawakan manfaat dari penilaian jangka masa panjang untuk negara.